

BERITA

HASIL



EDISI
01
2024
PERCUMA
www.hasil.gov.my



Istimewa :

**YBhg. Dato' Wan Ramiza
binti Wan Ghazali**



e-Filing

MEMBOLEHKAN PEMBAYAR CUKAI MEMBUAT PENGISIAN & PENGHANTARAN BORANG NYATA CUKAI PENDAPATAN (BNCP) SECARA DALAM TALIAN.



e-CKHT

MEMBOLEHKAN PEMBAYAR CUKAI MEMBUAT PENGISIAN & PENGHANTARAN BORANG NYATA KEUNTUNGAN HARTA TANAH (BNCKHT) SECARA DALAM TALIAN BAGI TAHUN TAKSIRAN 2021 DAN KE ATAS.



e-Lodgement CKHT

ALTERNATIF KEPADA E-CKHT YANG MEMBOLEHKAN PEMBAYAR CUKAI MENGEMUKAKAN BNCKHT SECARA DALAM TALIAN UNTUK TAHUN TAKSIRAN 2020 DAN SEBELUM.



MITRS

DIGUNAKAN OLEH PEMBAYAR CUKAI UNTUK MENGEMUKAKAN HELAIAN KERJA PERCUKAIAN & DOKUMEN YANG DIPERLUKAN SEMASA



e-WHT

MEMBOLEHKAN PEMBAYAR CUKAI MEMBUAT PENGISIAN BORANG BAYARAN CUKAI PEGANGAN SECARA DALAM TALIAN.

Pemeriksaan e-Perkhidmatan

(PENGEMUKAKAN BORANG NYATA, DOKUMEN PERCUKAIAN DAN SURAT CARA)



TAef

DISEDIAKAN UNTUK EJEN CUKAI MEMBUAT PENGISIAN & MENGHANTAR BN & BORANG ANGGARAN SECARA DALAM TALIAN BAGI PIHAK PEMBAYAR CUKAI.



STAMPS

MERUPAKAN SISTEM TAKSIRAN & PEMBAYARAN DUTI SETEM BAGI MEMBOLEHKAN PROSES PENYETEMAN DIBUAT SECARA DALAM TALIAN.



e-107D

MEMBOLEHKAN PEMBAYAR CUKAI MEMBUAT PENGISIAN BORANG BAYARAN SEKSYEN 107D DAN MEMUAT NAIK LAMPIRAN CP107D(2) SECARA DALAM TALIAN.



e-CP204/
e-CP204A

MEMBOLEHKAN PEMBAYAR CUKAI KATEGORI SYARIKAT, BADAN AMANAH, KOPERASI DAN PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD (PLT) MENGEMUKAKAN ANGGARAN CUKAI CP204 DAN PINDAAN ANGGARAN (CP204A) SECARA DALAM TALIAN.



e-Semakan Pengesahan

MEMBOLEHKAN PEMBAYAR CUKAI MENYEMAK, MEMUAT TURUN & MENCETAK SEMAKAN PENGESAHAN BNCP YANG TELAH DIKEMUKAKAN SECARA DALAM TALIAN.

HASiL Live Chat



Perkhidmatan khidmat pelanggan LHDNM yang telah dilancarkan pada 1 November 2019.
A customer Service that was launched on November 1, 2019

Lebih pantas dan efisien
Faster and efficient

Pertanyaan berkaitan perkhidmatan di bawah kendalian LHDNM
Involves issues and inquiries related to all services under IRBM.

CIRI-CIRI / Features

Boleh dicapai di mana-mana kawasan yang mempunyai capaian internet.
Can be reached in any area with internet access.

Pengguna perlu memasukkan butiran peribadi sebelum dibenarkan untuk berhubung dengan pegawai.
Users need to enter personal details before being allowed to communicate with officers.

Pengguna boleh memuat naik dokumen rujukan semasa sesi perbualan.
Users can upload reference documents during a conversation session.

Boleh dicapai melalui portal rasmi LHDNM di
Can be accessed through the IRBM's official portal at

www.hasil.gov.my

WAKTU OPERASI
Operation Hours

9.00 am - 5.00 pm

ISI KANDUNGAN

5	IKON	
	Istimewa : YBhg. Dato' Wan Ramiza binti Wan Ghazali, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Dasar)	5
11	ISTIMEWA	
	The Role of Leadership in Fostering Positive Organizational Culture	11
14	FOKUS CUKAI	
	Cukai Keuntungan Modal	14
	HASiL Research Snapshot (HRS) : Bentuk-Bentuk Ketidakpatuhan Cukai: Kajian Ke Atas Perniagaan Kecil dan Sederhana (PKS) Sektor Pembinaan di Malaysia	
20	RANGKUMAN	
	Program Lawatan Banci Bisnes & Konvensyen Perisikan dan Profiling Tahun 2024	20
	Konvensyen Siasatan Ke-XI Tahun 2024	22
	Konvensyen Pematuhan dan OPS Zapin 2024	24
	Konvensyen Jabatan Dasar Percukaian 2024	26

29	TAHNAH HASiL!	
	Penganugerahan dan Pengurniaan Darjah Kebesaran Pencapaian dan Kejayaan	29
		32

40	KHAS : E-INVOIS	
	Apa Itu E-Invois?	40
	Tempoh Pelaksanaan E-Invois	41
	Aliran Kerja E-Invois	42
	Jenis E-Invois Dikeluarkan	43
	Pihak Yang Bertanggungjawab	44

45	KLINIK CUKAI	
	Kaedah Pembayaran Cukai Pendapatan Beramaun Tinggi	45

Team Berita HASiL

PENAUNG :

YBhg. Datuk Dr. Abu Tariq bin Jamaluddin

PENASIHAT :

Puan Noraini binti Mustafa

PENYELARAS :

Encik Mohamad Razli bin Mohamad Ali

SUSUNAN & PENYEDIAAN BAHAN :

Bahagian Perhubungan Awam dan Multimedia,
Jabatan Khidmat Korporat

PEREKA GRAFIK :

Precious Print Sdn. Bhd.

SEKALUNG PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH:

YBhg. Dato' Wan Ramiza binti Wan Ghazali,
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Dasar) HASiL
Puan Nursuraya binti Jamil, Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Encik Muhamad Syahrin bin Samsudin, Jabatan Perisikan Dan Profiling
Puan Rabihtul Adawiyah binti Rosli, Jabatan Siasatan
Encik Mohd Syihab bin Mohd Mahfdzuz, Jabatan Pematuhan Cukai
Puan Siti Fatma Zuhra binti Din, Jabatan Dasar Percukaian

EDARAN :

Pusat Sumber HASiL

TARIKH KELUARAN :

Ogos 2024

URUSAN LUAR NEGARA?

SEMAK STATUS SEKATAN SEBELUM RANCANG PERJALANAN
ANDA KE LUAR NEGARA



4. SURAT KELULUSAN

Dapatkan surat kelulusan sebelum ke luar negara



3. KAEDAH BAYARAN

ByrHASil



2. TINDAKAN PERLU DIAMBIL

e-Sekatan
<https://mytax.hasil.gov.my/>

HASil
Contact Centre
03-8911 1000

MyTax

1. SEMAK myTAX

<https://mytax.hasil.gov.my/>

JANGAN LUPA
SEMAK DAHULU!



ISTIMEWA : YBHG. DATO' WAN RAMIZA BINTI WAN GHAZALI, TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (DASAR)



Figura untuk edisi kali ini sememangnya istimewa, diibaratkan sebagai bonda kepada seluruh warga Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL). Tingkah dan perwatakan beliau mungkin dilihat pendiam serta pemalu, namun tetap tegas dalam menyatakan pendirian, terutamanya pandangan berkaitan perkara-perkara melibatkan polisi dan dasar HASiL. Menyelusuri detik-detik sebelum persaraan, beliau masih bersemangat untuk berkongsi pengalaman sepanjang perkhidmatan sebagai panduan kepada warga HASiL yang akan meneruskan legasi kecemerlangan. Sudut pandangan beliau sudah pastinya sentiasa dinantikan, lebih-lebih lagi dengan peranannya yang memegang salah satu jawatan terpenting di HASiL.

Beliau yang dimaksudkan adalah YBhg. Dato' Wan Ramiza binti Wan Ghazali, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (TKPE) (Dasar).

Semoga penghasilan edisi kali menjadi wadah penghargaan warga HASiL terhadap sumbangan, komitmen dan jasa yang telah beliau sumbangkan sebagaimana visi HASiL untuk menjadi pentadbir cukai terunggul yang menyumbang kepada pembangunan negara.



KEPIMPINAN DAN CABARAN

Takrifan 'A Good Leader' dan Nilai Kepimpinan

Apabila menyebut perkataan pemimpin, kita perlu lihat dari dua sudut dalam skop bertugas di HASiL. Pertama, berasaskan aktiviti teras kita iaitu penaksiran. Sama ada di peringkat pengurusan mahupun dalam kalangan pegawai sendiri, penting untuk kita mempunyai pengetahuan berkaitan percukaian. Pada masa yang sama, kita juga ada kumpulan yang membina teras kepada HASiL, seperti penetapan kompetensi pegawai, pengurusan premis, pengendalian risiko dan perkara-perkara yang menyokong dalam pembentukan organisasi ini. Justeru, sebagai seorang pemimpin, seseorang itu perlu mempunyai pengetahuan yang mendalam untuk menguruskan dua kumpulan atau elemen yang berbeza ini. Apa yang penting adalah kekuatan seseorang itu untuk mengendalikan dan menguruskan kedua-dua elemen ini. Sebagai pemimpin, kita perlu tahu cara untuk memenangi hati pegawai seliaan kerana mereka yang akan membantu dalam pelaksanaan kerja dan tanggungjawab yang dipikul.

Adalah penting bagi seorang ketua untuk memiliki rasa hormat serta kepercayaan daripada pegawai seliaan dan pemegang taruh (*stakeholder*). Pemimpin perlu memastikan persekitaran kerja yang kondusif, hubungan yang baik dengan pegawai dan membentuk nilai kepercayaan daripada pegawai. Kepercayaan ini penting kerana ia bukan sahaja melibatkan

urusan pekerjaan seharian, malahan turut memperlihatkan sisi keprihatinan terhadap kebajikan pegawai seliaan. Apa yang boleh dirangkumkan, pemimpin itu bukan sekadar membentuk hubungan ketua dan pekerja sahaja, bahkan ia lebih daripada itu.

Seperti yang dibincangkan awal tadi, seorang pemimpin itu perlu mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang *core job* kita, dan pembinaan kompetensi ini sebaiknya bermula daripada peringkat awal kerjaya. Kemahiran dan pemantapan ilmu ini sama ada pengetahuan berkaitan kerja mahupun penerapan *soft skill* yang bersesuaian perlu seiring dengan perkembangan kerjaya seseorang pegawai. Apabila seseorang pegawai ini telah mencapai peringkat pengurusan, ia akan menjadi lebih mudah kerana beliau boleh memahami perkara dasar jika sesuatu isu timbul dan dapat memberikan pandangan serta keputusan yang bukan sahaja akan dijadikan panduan oleh pegawai seliaan, malah ia akan memberikan mesej serta imej positif kepada pembayar cukai. Seterusnya, kompetensi pegawai ini penting kerana ia akan diperlukan dalam pelbagai aspek termasuk melibatkan *complexity of the cases*, lebih-lebih lagi sudut percukaian ini tidak akan lari daripada perundangan dan dasar.

Selain itu, seorang pemimpin atau ketua yang bagus perlu melengkapkan diri dengan

segala aspek dan cabang ilmu. Seiring dengan perkembangan terkini, kita kena *expect the unexpected*. Justeru, kita perlu bersedia dengan segala kemungkinan, termasuk perkembangan teknologi dan digital. HASiL sebagai majikan sememangnya sentiasa menyediakan pelbagai peluang pembelajaran kepada setiap lapisan pegawai sama ada untuk pemantapan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang bersesuaian. Namun, ada kemahiran yang perlu dibentuk secara berfasa dalam diri masing-masing, terutamanya melibatkan pengurusan manusia.

Cabaran Sebagai TKPE (Dasar)

Semasa pelantikan saya sebagai TKPE (Pengurusan) (pada tahun 2021), HASiL sedang melaksanakan sistem *Front Office Back Office* (FOBO) dan cabaran yang dihadapi bukan sahaja melibatkan perubahan yang perlu diadaptasi dalam proses kerja seharian, malah penerimaan pegawai juga menjadi keutamaan yang harus diambil kira. Dalam fasa itu, kita berikan taklimat dan sokongan kepada semua peringkat pegawai supaya mereka kekal menjalankan tugas dengan penuh semangat serta berdedikasi untuk mencapai KPI yang ditetapkan walaupun berhadapan dengan pelbagai perubahan. Saya bersyukur pada ketika itu, banyak maklum balas positif yang kita terima dan segala cadangan penambahbaikan turut kita perhalusi untuk dinilai semula. Pada masa yang sama, profil pegawai yang terdiri daripada pelbagai peringkat usia dan latar belakang juga memainkan peranan dalam keberhasilan sesuatu polisi untuk dilaksanakan. Ini juga saya rasakan sebagai antara cabaran yang perlu ditangani sebaiknya.

Nilai kepercayaan ini bukan sahaja perlu dalam kalangan warga HASiL, tetapi ini juga membabitkan pembayar cukai yang berurusan dengan kita. Perkara sebegini akan menunjukkan kredibiliti kita dalam mengendalikan sesuatu perkara, seterusnya memberi keyakinan kepada mereka bahawa segala prosedur kerja yang dilaksanakan berada dalam landasan yang betul. Secara tidak langsung, ia akan menunjukkan komitmen kita yang selari dengan visi HASiL untuk menjadi pentadbir cukai terunggul. Itu yang perlu kita sama-sama fahami dan perhalusi.

Sebagai agensi kerajaan yang terlibat secara langsung dengan rakyat, kita seharusnya menonjolkan kredibiliti dan imej yang boleh dipercayai bagi menjamin keyakinan setiap peringkat masyarakat yang berurusan dengan kita. Di sini (Bahagian Dasar), saya sentiasa tekankan kepada pegawai seliaan saya bahawa kita harus *be responsive* kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh pembayar cukai, khususnya melibatkan dasar dan polisi. Segala ketetapan undang-undang perlu diselarikan dengan hasrat kerajaan, dan pada masa yang sama kita juga perlu nyatakan pendirian HASiL dalam sesuatu perkara yang telah dibangkitkan oleh pembayar cukai. Walaupun keputusan yang dibuat mungkin tidak berpihak kepada mereka, tetapi pembayar cukai akan faham tentang rasional dan ketegasan HASiL dalam membuat pertimbangan serta penilaian terhadap permohonan yang dipanjangkan.

HALA TUJU DAN HARAPAN

Hala Tuju HASiL

Kalau ditanyakan berkenaan hala tuju, saya percaya segala yang dilaksanakan sekarang berada dalam landasan yang betul. Dengan segala usaha yang kita jalankan selama ini sama ada melibatkan aktiviti-aktiviti pematuhan cukai seperti pelaksanaan operasi (Ops), mahupun inisiatif pendigitalan termasuklah e-Invois; saya melihat ia akan memberikan impak positif terhadap kutipan cukai yang menjadi *core job* kita. Justeru, adalah penting untuk kita memastikan keberhasilan dan kejayaan setiap yang diusahakan mencapai KPI yang ditetapkan.

Saya juga percaya, pegawai yang berada di bawah seliaan saya sekarang telah bersedia dengan perkembangan terkini dalam dunia percukaian.

Jadi mereka juga perlu bersedia untuk keluar daripada kebiasaan demi memastikan setiap apa yang dirancang akan tercapai. Contoh terkini, pelaksanaan Cukai Keuntungan Modal (CKM) adalah bermula pada awal tahun 2024 dan masih ramai yang mungkin belum biasa dengan cukai baharu ini. Sehubungan itu, kita lihat antara inisiatif terbaharu yang dibuat adalah membuat taklimat dan *roadshow* ke seluruh negara agar maklumat berkaitan CKM akan sampai kepada kumpulan sasaran.

Usaha sebegini perlu diteruskan kerana ia bukan sahaja bertumpu kepada kumpulan tertentu sahaja, malah akan menarik kelompok lain yang berada dalam jaringan yang sama mahupun bakal pembayar cukai sejajar dengan visi HASiL untuk menjadi pentadbir cukai terunggul.

Harapan Terhadap HASIL

Saya selalu berpesan kepada pegawai, kita perlu berusaha pertingkatkan pengetahuan teknikal dan terbuka dengan cabang ilmu baharu untuk memudahkan tugas yang dilaksanakan. Seseorang pegawai perlu mempersiapkan minda kepada pelbagai kemungkinan dan meneliti sesuatu perkara dengan berhikmah dan seimbang. Sebagai majikan, kita memang akan sentiasa sediakan ruang dan peluang yang bersesuaian untuk peningkatan kerjaya masing-masing. Dalam membuat pemantauan tugas serta pencapaian setiap pegawai, kita akan melihat kemampuan dan kekuatan masing-masing adalah berbeza. Tugas kami di peringkat pengurusan adalah untuk menggabungkan kelebihan dan kemampuan ini bagi membentuk pasukan yang seimbang dalam segala sudut.

Saya mengambil contoh semasa berada di Cawangan Industri Khusus (CIK) dahulu, tugas di situ sememangnya berkait rapat dengan perkara-perkara teknikal, jadi penting untuk pegawai mempunyai ilmu yang dapat membantu mereka dalam menyelesaikan kes-kes di luar dari kebiasaan. Kita juga menggalakkan mereka untuk melihat dan pelajari asas kes-kes lain di bawah kendalian Cawangan Pembayar Cukai Besar (CPCB) supaya dapat meluaskan skop pemerhatian terhadap sesuatu perkara.

Selain itu, kita juga perlu '*be creative*' agar pekerjaan yang dilakukan tidak membosankan. Menjadi kreatif ini bukanlah bermaksud perlu menjadi '*fancy*', tetapi bagaimana kita memberi motivasi kepada diri sendiri, dan mungkin kepada yang berada di sekeliling agar sentiasa seronok untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab. Sekiranya ia sesuai untuk diterapkan dalam sebuah pasukan, itu akan menjadi pencetus semangat untuk bekerja bersama-sama dengan lebih cemerlang.

Selain itu, kita juga perlu saling menjaga antara satu sama lain, terutamanya dalam memberikan sokongan kepada rakan-rakan yang mungkin menghadapi kesulitan sama ada dalam pekerjaan mahupun kehidupan. Isu kesihatan mental mula mendapat perhatian dan mencetus kesedaran dalam kalangan masyarakat, jadi saya berharap agar kita dapat membentuk sistem sokongan yang kuat antara satu sama lain supaya pegawai seronok untuk menjalankan tugas masing-masing. Tahap penerimaan setiap orang bagi pelaksanaan tugas adalah berbeza, justeru sokongan setiap pegawai bagi memudahkan setiap tugas adalah penting supaya menjadi lebih mudah dan cepat untuk diselesaikan.



SUDUT PANDANG

Pengurusan masa

Pandangan saya, ia memang sangat penting. Saya faham, cara kerja dahulu dan sekarang adalah berbeza. Mengambil contoh diri sendiri, dahulu saya peruntukkan masa produktif untuk bertugas adalah ketika berada di pejabat iaitu daripada 8 pagi hingga 5 petang. Selepas tempoh

itu, saya akan fokuskan masa bersama-sama keluarga. Sekarang, keadaan telah berubah mengikut situasi semasa. Jadual tugas yang lebih fleksibel boleh dimanfaatkan oleh pegawai, namun konsep *work-life balance* perlu diterapkan lebih-lebih lagi dalam persekitaran pekerjaan sekarang yang lebih mencabar.

Media sosial

Ia perlu dimanfaatkan sebaiknya, penting untuk seseorang menilai segala maklumat yang diterima agar tidak memudaratkan diri masing-masing. Di sinilah kebijaksanaan seseorang itu

memainkan peranan agar maklumat yang diterima itu bukan sahaja memberi impak positif kepada diri, malah kepada insan sekeliling kita.

SANTAI SEMINIT

Hobi pada masa lapang

1.

Mengemas rumah.

Warna pilihan

2.

Coklat atau biru

Jika bukan seorang pegawai HASiL, apakah cita-cita atau karier pilihan YBhg. Dato’

3.

Doktor

Tonton televisyen atau baca buku

4.

Tonton televisyen

Bersukan atau berkebun

5.

Dulu suka berkebun, tapi dalam keadaan sekarang, saya lebih memilih untuk kemas rumah.

Shopping atau melancong

6.

Saya lebih suka *shopping*

SEIMBAS ...

- **Lahir pada 6 September 2024 dan berasal dari Kota Bharu, Kelantan**
- **Anak sulung daripada tujuh beradik**
- **Latar belakang Pendidikan :**
 - » 1987 – 1988 :
Sarjana Pentadbiran Perniagaan,
University Of Miami, Florida, USA
 - » 1982 – 1986 :
Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan,
University Of Nebraska-Lincoln,
Nebraska, USA
- **Pengalaman di HASIL :**
 - » 10/01/1991 – 14/01/1998 :
Lantikan pertama Pegawai Penaksir
Gred W41 di Cawangan Jalan Duta
 - » 15/01/1998 – 30/04/2005 :
Pegawai Eksekutif (Penaksiran) Gred 7
di Cawangan Syarikat
 - » 01/05/2005 – 15/11/2005 :
Pegawai Eksekutif (Penaksiran) Gred 6
di Jabatan Pungutan Hasil
 - » 16/11/2005 – 28/02/2009 :
Pegawai Eksekutif (Penaksiran) Gred 6
di Jabatan Pematuhan Cukai
 - » 01/03/2009 – 31/03/2016 : Pegawai
Eksekutif (Penaksiran) Gred 5/54 di
Jabatan Cukai Multinasional / Cawangan
Cukai Multinasional
 - » 01/04/2016 – 31/03/2018 : Pegawai
Eksekutif (Penaksiran) Gred 54/ HGS L2
di Jabatan Percukaian Antarabangsa
 - » 01/04/2018 – 31/12/2019 :
Pengaroh Cawangan Khas HGS L3 di
Cawangan Industri Khas
 - » 01/01/2020 – 14/11/2021 :
Pengaroh Cawangan Khas HGS L4 di
Cawangan Industri Khas
 - » 15/11/2021 – 28/02/2023 : TKPE
(Pengurusan)
 - » 01/03/2023 – 15/03/2024 : TKPE
(Operasi Percukaian)
 - » 15/03/2024 – kini : TKPE (Dasar)





“ The Role of Leadership in Fostering Positive Organizational Culture ”

*Written by : Dato' Wan Ramiza binti Wan Ghazali
Deputy Director General (Operations), Inland Revenue Board Malaysia
11 March 2024 (from Al Madinah Al Munawarah)*

In my experience and inspired by various motivational sources, I'd like to share my insights on leadership and management. I believe that everyone has their own approach in leading a team, group or organization. Leadership isn't an innate trait but rather a skill that can be developed over time. It's not solely about having authority; leadership can also be demonstrated at the executive level. Having leadership skills means you are trusted and followed by your peers and team.

Developing effective leadership involves not only possessing a breadth of knowledge and a well-defined vision but also entails the ability to flexibly adapt to the ever-evolving landscape of both the workforce and the environment in which one operates. In specialized domains such as taxation, honing technical proficiency is foundational, beginning from the nascent stages

of a career trajectory. However, as individuals ascend to more advanced executive layers, the emphasis shifts towards mastering the intricacies of complex transactions. Moreover, true wisdom in leadership encompasses a holistic understanding of the surrounding physical and social environment, including encompassing factors like the dynamics of businesses and economic development. Thus, leadership excellence demands a nuanced synthesis of expertise, adaptability, and a comprehensive comprehension of the broader context within which one operates.

Although not all of this knowledge may be directly utilized during one's tenure leading an organization or team, it remains stored in our subconscious mind and surfaces when needed. The reason being, leader is expected to make decision, the longer time taken to make decision

create inefficiency and frustration among workforces. Based on the information available and provided, although it may be a summarised portion in making decision within a shorter time frame, but the impact from the decision is great. The rationale for the decision should be explained and understood by the team. By prioritizing these aspects of leadership, you can cultivate a culture of collaboration and excellence within your organization.

Developing effective leadership involves not only possessing a breadth of knowledge and a well-defined vision but also entails the ability to flexibly adapt to the ever-evolving landscape of both the workforce and the environment in which one operates.

Again, it's crucial to understand that a leader's role isn't confined to task execution; rather, it extends to providing support and leveraging their knowledge and experience for the benefit of the team. Central to their responsibilities is the cultivation of a highly skilled and motivated workforce capable of executing strategies with vigor and efficiency. Through mentorship, training, and fostering a culture of continuous learning, leaders empower their team members to excel, enabling them to contribute effectively towards organizational goals. In essence, a leader's success is measured not solely by their own actions, but by the collective achievements and capabilities of those they lead.

As one enters, into managerial level, having leadership quality will be advantaged which need to be developed. Individual may face the challenge of balancing complex tasks and managerial responsibilities. While this can be daunting, having a strong knowledge base can facilitate setting and achieving targets set by upper management. Managing people alongside tasks may be particularly challenging, often requiring the use of authority, which may not be the best approach to ensuring team performance meets key performance indicators (KPIs).

Managers play a pivotal role in organizations, as they are entrusted with the crucial responsibilities of executing plans, allocating resources, and closely monitoring progress to facilitate the successful implementation of change initiatives. However, beyond the mechanical execution of tasks lies a deeper responsibility. Effective management transcends mere logistics; it requires a nuanced understanding of the human aspect of organizational dynamics. Therefore, managers must adopt a 'human centric' approach, one that is considerate of the well-being and morale of their teams. This means recognizing the individual strengths, weaknesses, and motivations of team members, fostering a supportive and inclusive work environment, and being empathetic to their concerns. By integrating this 'humanitarian' perspective into their managerial practices, leaders can not only drive change effectively but also nurture a culture of trust, collaboration, and mutual respect within the organization.

Thus, the success of any change initiative hinges not only on strategic planning and resource allocation but also on the compassionate and conscientious leadership demonstrated by managers.

It's imperative to recognize that effective leadership extends beyond traditional authoritative skills. While strategic planning and analytical thinking are undeniably vital for driving organizational success, equally crucial are qualities such as motivation, support, empathy, and active listening. These human-centric attributes form the bedrock of a thriving work culture and are instrumental in fostering team cohesion and productivity.



In any dynamic environment, the thought process must be adaptable and responsive to changing circumstances, offering various options to navigate challenges and align efforts towards the overarching mission. When leaders prioritize creating an atmosphere of passion and enthusiasm within their teams, they cultivate a sense of intrinsic motivation that propels individuals towards the completion of tasks with heightened efficiency and dedication.

Moreover, by instilling a culture where team members feel supported and valued, leaders mitigate the negative effects of stress and cultivate an environment where individuals not only excel but also derive fulfilment from their work. This intrinsic satisfaction often translates into outcomes that surpass predefined targets, as team members are driven by a genuine sense of purpose and commitment to collective success. Therefore, while strategic acumen is essential, it is the human-centered leadership qualities that truly propel organizations towards exceptional achievement.

It's equally vital to engage with and empower your team members. Sharing the flow of thoughts behind strategic plans and missions with your team fosters a sense of ownership and commitment to the task at hand. Encouraging teamwork creates an environment where everyone feels valued and motivated, ultimately leading to higher levels of achievement and success.

Last but not least, possessing a strong conscience is imperative. It entails maintaining high morale, integrity, and adhering to good values. A leader with a robust conscience operates with a clear sense of right and wrong, guided by ethical principles and moral integrity. They prioritize honesty, fairness, and transparency in their actions and decision-making processes. By having a clear conscience, the emphasis is not on KPIs but how to ensure the team work towards KPIs or even producing more than expected by creating passion. This commitment to uphold moral standards fosters trust and respect among team members and stakeholders, ultimately contributing to a positive and ethical organizational culture.

In essence, leadership encompasses a multifaceted approach that includes offering guidance, support, avenues for growth, clear communication, empowerment, advocacy, leading through actions, and nurturing a positive workplace culture. A truly effective leader places a premium on understanding and addressing the needs and aspirations of their team members, fostering engagement and sense of shared achievement. It's important to note that leadership and management are complementary forces in driving organizational change, with each fulfilling distinct yet interconnected roles. A leader equipped with these essential traits is well-equipped to navigate any position within the organization, particularly in IRBM, ensuring both the team's success and organizational objectives are effectively met.





Cukai Keuntungan Modal

Oleh : Junaidatul Al-Fatihah binti Elias

Cukai Keuntungan Modal atau singkatannya CKM adalah cukai yang dikenakan ke atas laba atau keuntungan daripada pelupusan aset modal. Pengenalan cukai ini di Malaysia seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 2024 telah mengubah landskap percukaian di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang sebelum ini hanya dikenakan ke atas cukai pendapatan sahaja. Dalam usaha untuk membesarkan asas cukai dan memperkasakan sistem percukaian sedia ada, Malaysia yang melaksanakan CKM mulai 1 Mac 2024 telah menyertai negara-negara seperti Amerika Syarikat, United Kingdom dan negara-negara Eropah iaitu Denmark, Norway, Finland, Perancis dan lain-lain lagi. Manakala antara negara di Asia Tenggara yang turut melaksanakan CKM adalah Filipina, Thailand, Indonesia dan Vietnam.

Dengan pengenalan CKM, keuntungan daripada pelupusan saham syarikat harta tanah oleh **syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah dan koperasi termasuk entiti Labuan (pelupus)** yang tertakluk kepada pengenaan cukai di bawah ACP tidak lagi tertakluk kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 (ACKHT). Buat masa ini, CKM dikenakan atas laba atau keuntungan daripada pelupusan aset modal yang terdiri daripada:

a. **saham tidak tersenarai syarikat yang diperbadankan di Malaysia**

b. **saham syarikat terkawal diperbadankan di luar Malaysia yang memiliki harta tanah yang terletak di Malaysia atau saham syarikat terkawal lain atau kedua-duanya sebagaimana yang diperuntukkan dalam Seksyen 15C ACP.**

Skop pengenaan CKM pada masa ini adalah ke atas "saham" bersifat ekuiti seperti saham biasa, saham keutamaan, saham keutamaan boleh tebus, bon boleh tukar atau pinjaman jangka panjang yang lebih bersifat ekuiti. Antara ciri-ciri saham bersifat ekuiti adalah:



Keuntungan daripada pelupusan aset modal bukan suatu punca pendapatan perniagaan di bawah Perenggan 4(a) ACP melainkan dalam keadaan di mana Subseksyen 24(1) ACP terpakai.

CKM dikenakan ke atas pelupus dalam tahun taksiran di mana transaksi pelupusan berlaku. Tahun taksiran adalah merujuk kepada tempoh asas bagi tahun taksiran pelupus tersebut. Bagi kadar cukai CKM, ia terbahagi kepada dua tempoh iaitu :

- Saham diperolehi sebelum 1 Januari 2024 : 2% atas balasan pelupusan atau 10% atas pendapatan larasan; dan
- Saham diperolehi mulai 1 Januari 2024 : 10% atas pendapatan larasan.

Pengemukaan Borang Nyata CKM (BNCKM) perlu dibuat dalam tempoh 60 hari dari tarikh pelupusan secara e-Filing. Setiap pelupusan aset modal hendaklah dilaporkan secara berasingan dan dianggap sebagai punca keuntungan pelupusan aset modal yang berasingan antara satu sama lain. Ia juga dilaporkan secara berasingan oleh

setiap pelupus jika terdapat lebih daripada satu pelupus dalam satu pelupusan.

Terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian dalam pengiraan CKM iaitu :

- Tarikh Pelupusan dan Pemerolehan Aset Modal

Tarikh **pelupusan** aset modal dianggap berlaku pada :

- tarikh perjanjian, jika terdapat perjanjian bertulis; atau
- tarikh penyelesaian pelupusan jika tiada perjanjian bertulis.

Tarikh penyelesaian pelupusan (**pemerolehan**) adalah -

- pada tarikh aset modal dipindah milik oleh pelupus; atau
- pada tarikh di mana kesemua amaun atau nilai balasan untuk pindah milik itu telah diterima oleh pelupus, yang mana lebih awal.

Dalam satu transaksi pelupusan dan pemerolehan aset modal, tarikh pemerolehan aset modal oleh pemeroleh dianggap berlaku pada tarikh yang sama dengan tarikh pelupusan aset modal itu oleh pelupus;

- Harga Pelupusan dan Pemerolehan Aset Modal

Harga pelupusan adalah amaun atau nilai balasan dalam bentuk wang atau nilai wang bagi pelupusan aset modal setelah ditolak dengan apa-apa perbelanjaan berkaitan pelupusan. Nilai balasan bagi pelupusan dan pemerolehan bersamaan dengan nilai pasaran, iaitu harga yang munasabah atau wajar untuk suatu transaksi pelupusan; dan

- Pengiraan Pendapatan Atau Kerugian Larasan

Sekiranya harga pelupusan aset modal melebihi harga pemerolehan, terdapat pendapatan larasan yang boleh dikenakan cukai. Manakala, jika harga pelupusan aset modal kurang daripada harga pemerolehan, terdapat kerugian larasan yang boleh dibenarkan.

Maklumat lanjut dan garis panduan berhubung Cukai Keuntungan Modal serta aspek percukaian langsung yang lain boleh didapati daripada Portal Rasmi HASiL di www.hasil.gov.my.

Penulisan ini telah diterbitkan dalam Dewan Ekonomi Bil 5/2024

Hasil Research Snapshot : Bentuk-Bentuk Ketidapatuhan Cukai: Kajian ke atas Perniagaan Kecil dan Sederhana (PKS) Sektor Pembinaan di Malaysia

Oleh : Dr. Muhammad Aqbal Mashadi

ABSTRAK

Ketidapatuhan cukai merupakan kegagalan individu atau entiti dalam mendaftar, menghantar borang cukai dalam tempoh masa yang ditetapkan, melaporkan jumlah pendapatan yang betul, dan membayar cukai. Kajian-kajian lepas di Malaysia menunjukkan perniagaan kecil dan sederhana (PKS) daripada sektor pembinaan banyak menyumbang kepada ketidapatuhan cukai. Tetapi tiada data terperinci berkaitan penemuan tersebut. Kajian dilakukan bagi mengenal pasti perlakuan cukai (patuh atau

tidak patuh), bentuk-bentuk ketidapatuhan cukai (daftar, hantar, lapor, dan bayar), dan hubungan jenis perniagaan PKS sektor pembinaan berbanding gelagat pematuhan cukai di Malaysia. Dapatan kajian mendapati 44% sampel daripada sektor pembinaan tidak patuh cukai, kejuruteraan awam paling dominan tidak patuh cukai, tindakan tidak atau lewat hantar borang cukai menjadi bentuk ketidapatuhan cukai paling dominan, dan jenis perniagaan PKS mempengaruhi gelagat pematuhan cukai.

PERNYATAAN MASALAH

- Indeks pematuhan antara negara mendapati Malaysia mencatatkan skor 4.34 daripada 6.00 bagi isu ketidapatuhan cukai (Belkaoui, 2004).
- Laporan LHDNM 2014 menunjukkan peningkatan jumlah kutipan cukai bagi aktiviti audit pada tahun 2013 dari RM3.29 billion kepada RM5.04 billion.
- Kecenderungan penglibatan entiti perniagaan khususnya PKS perlu diberi perhatian segera

oleh LHDNM kerana majoriti hasil kutipan cukai disumbang oleh aktiviti perniagaan. Kajian Mohd Yusof et al. (2014) dan Ming et al. (2013) mendapati entiti perniagaan khususnya sektor pembinaan merupakan sektor paling dominan yang terlibat dalam ketidapatuhan cukai.

- Selain itu, kajian oleh Abdul Jabbar (2009) pula memberi tumpuan kepada faktor-faktor yang menyebabkan entiti perniagaan PKS cenderung untuk tidak patuh cukai.


PERTANYAAN KAJIAN

- Apakah gelagat pematuhan cukai PKS sektor pembinaan?
- Apakah jenis perniagaan PKS sektor pembinaan yang paling cenderung untuk melakukan ketidapatuhan cukai dan ciri-ciri PKS yang terlibat?
- Apakah bentuk-bentuk ketidapatuhan cukai di kalangan PKS sektor pembinaan?
- Bagaimanakah hubungan di antara jenis perniagaan PKS sektor pembinaan dengan gelagat pematuhan cukai?

OBJEKTIF KAJIAN

- Mengenal pasti gelagat cukai PKS sektor pembinaan sama ada patuh cukai atau tidak patuh cukai.
- Mengetahui jenis perniagaan yang dominan tidak patuh cukai dan ciri-ciri PKS yang terlibat.
- Memahami bentuk-bentuk tidak patuh cukai yang dilakukan oleh PKS sektor pembinaan.
- Melihat hubungan antara jenis perniagaan PKS sektor pembinaan dengan gelagat pematuhan cukai.

OBJEKTIF KAJIAN



METODOLOGI KAJIAN

- Penggunaan data sekunder daripada 3 sumber iaitu:
 - » 500 entiti **Jabatan Perangkaan Malaysia (JPM)** bagi PKS sektor pembinaan di Malaysia hingga tahun berakhir 31hb Disember 2013,
 - » **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** merangkumi nama pemilik perniagaan PKS dan syarikat PKS sektor pembinaan Malaysia, dan
 - » **LHDNM** berkaitan entiti PKS sektor pembinaan di Malaysia bagi tahun taksiran 2013.
- Proses pengumpulan data kajian terdiri daripada:
 - » mendapatkan 500 sampel PKS berdasarkan kaedah persampelan kebarangkalian rawak berlapis,
 - » mengemaskini data JPM dan SSM bagi mengetahui pemilik perniagaan, dan
 - » membuat semakan silang antara data JPM dan SSM dengan maklumat percukaian LHDNM.
- Semakan silang yang dilakukan melalui 4 peringkat iaitu:
 - » semakan nombor cukai pendapatan untuk mengetahui status pembayar cukai wujud atau tidak,
 - » semakan status penghantaran borang cukai sama ada penghantaran borang tepat pada masa, lewat atau tidak hantar,
 - » semakan pelaporan sumber pendapatan melalui sistem LHDNM jika ada taksiran tambahan dari aktiviti audit. Jika ada, PKS tidak melaporkan pendapatan dengan betul, dan
 - » semakan status bayaran cukai sama ada telah, lewat atau tidak membuat bayaran dengan melihat maklumat penalti lewat bayar. Jika terdapat penalti, ini menunjukkan kesalahan cukai telah berlaku.

HASIL KAJIAN

Analisis kajian yang digunakan melibatkan beberapa pendekatan iaitu perolehan data sekunder, pembersihan data, semakan silang data dan analisis statistik SPSS yang terdiri daripada ujian kekerapan dan ujian Khi-Kuasa Dua (*Chi-Square Test*).

- Mengenal pasti gelagat cukai PKS sektor pembinaan sama ada patuh cukai atau tidak patuh cukai.
- Mengetahui jenis perniagaan yang dominan tidak patuh cukai dan ciri-ciri PKS yang terlibat.
- Memahami bentuk-bentuk tidak patuh cukai yang dilakukan oleh PKS sektor pembinaan.
- Melihat hubungan antara jenis perniagaan PKS sektor pembinaan dengan gelagat pematuhan cukai.

Perincian Deskriptif PKS Sektor Pembinaan

500 entiti PKS sektor pembinaan Malaysia yang terdiri daripada 2 kategori iaitu **saiz perniagaan** (Mikro, Kecil dan Sederhana) dan **jenis perniagaan** (Kontraktor Rumah Kediaman, Kontraktor Bukan Rumah Kediaman, Kontraktor Kejuruteraan Awam dan Kontraktor Pertukangan Khas):

- Kategori **saiz perniagaan**: Entiti **perniagaan bersaiz mikro** mendominasi bilangan PKS sektor pembinaan sebanyak 225 entiti, dan
- Kategori **jenis perniagaan**: Entiti **pertukangan khas** mendominasi bilangan PKS sektor pembinaan sebanyak 201 entiti.

Gelagat Cukai PKS Sektor Pembinaan

Dapatan kajian menunjukkan **44% entiti PKS sektor pembinaan tidak patuh cukai (222 daripada 500 entiti) dan 22% PKS tidak mendaftar (50 entiti)**. Dari segi 4 ciri perniagaan yang dinyatakan:

- **Saiz perniagaan**: 48% PKS bersaiz Mikro tidak patuh cukai (108 entiti),
- **Jenis perniagaan**: Entiti pertukangan khas mendominasi bilangan PKS yang tidak patuh cukai (79 entiti). Dari segi peratusan, 55% perniagaan kejuruteraan awam tidak patuh cukai,
- **Status pemilikan perniagaan**: Entiti milikan tunggal mendominasi bilangan PKS yang tidak patuh cukai (105 entiti). Dari segi peratusan, entiti perkongsian menunjukkan pecahan yang tertinggi tidak patuh cukai (51%), dan
- **Gender pemilik perniagaan**: Dari segi bilangan, pemilik perniagaan lelaki adalah yang paling ramai tidak patuh cukai (144 orang). Dari segi peratusan, pemilik perniagaan wanita mewakili komposisi yang signifikan (67%).

Bentuk-bentuk Ketidapatuhan Cukai

Bentuk ketidapatuhan yang tertinggi adalah **"tidak atau lewat hantar borang cukai"** sebanyak 137 entiti (62%). Dari 4 bentuk ketidapatuhan yang dinyatakan:

- **Tidak daftar**: Perniagaan **bukan rumah kediaman** dan **kejuruteraan awam** adalah yang paling dominan,
- **Tidak atau lewat hantar borang**: Perniagaan **bukan rumah kediaman** dan **pertukangan khas** adalah yang paling dominan,
- **Tidak atau kurang lapor pendapatan**: Perniagaan **pertukangan khas** paling dominan, dan
- **Tidak atau lewat bayar**: Perniagaan **rumah kediaman** paling tinggi terlibat.

Hubungan antara gelagat cukai dengan jenis perniagaan PKS sektor pembinaan

Ujian Khi-Kuasa Dua membuktikan wujudnya kaitan yang signifikan antara gelagat cukai dan jenis perniagaan PKS sektor perkhidmatan apabila nilai alpha yang diperolehi adalah 0.03; iaitu kurang daripada 0.05 dan nilai *minimum expected count* adalah 6.02; iaitu melebihi daripada 5.

PERBINCANGAN

Selain daripada **konsisten** dengan dapatan kajian daripada kajian-kajian lepas, dapatan kajian ini turut membincangkan jenis-jenis perniagaan dalam PKS sektor pembinaan Malaysia yang paling dominan terlibat dalam aktiviti ketidakpatuhan cukai iaitu **kejuruteraan awam** (55%).

Kajian ini turut **menghasilkan penemuan baharu** iaitu dapat menghuraikan bentuk ketidakpatuhan cukai yang kerap dilakukan oleh PKS sektor pembinaan (**tidak daftar dan tidak atau lewat hantar**) dan pada masa yang sama berjaya membuktikan wujudnya hubungan yang signifikan di antara gelagat cukai dengan jenis perniagaan PKS pembinaan.

JURANG KAJIAN

- Penggunaan sampel yang terhad berbanding jumlah populasi yang besar.
- Tumpuan kajian hanya kepada 1 sektor ekonomi PKS sahaja.
- Kesukaran untuk melakukan kajian ini oleh pengkaji lain kerana tidak mempunyai akses kepada sistem LHDNM.
- Kajian ini wajar dilakukan untuk sektor ekonomi lain dalam PKS seperti pembuatan, perkhidmatan, pertanian, perlombongan dan kuari supaya gelagat cukai PKS dapat dibincangkan secara menyeluruh.

KESIMPULAN

- Melalui kajian ini, segmentasi perniagaan yang bermasalah dapat dikenal pasti, iaitu industri (pembinaan), jenis-jenis perniagaan (bukan rumah kediaman dan kejuruteraan awam), dan bentuk-bentuk ketidakpatuhan (tidak daftar dan tidak atau lewat hantar).
- Sebanyak 44% terlibat dalam ketidakpatuhan cukai dan daripada jumlah peratusan tersebut, kebanyakan bentuk ketidakpatuhan cukai merujuk kepada 'tidak dan lewat menghantar borang cukai' sebanyak 62%, manakala 'tidak mendaftar' sebanyak 22%.
- Perniagaan PKS sektor pembinaan Malaysia yang paling dominan terlibat dengan ketidakpatuhan cukai adalah kejuruteraan awam (55%).
- Kajian ini turut mendapati wujudnya hubungan atau kaitan antara gelagat cukai dan jenis perniagaan PKS sektor pembinaan berdasarkan ujian Khi-Kuasa Dua yang dilakukan.

Penulisan ini telah diterbitkan dalam e- Academia Journal UiTMT Bilangan 5, Isu 1/2016



Program Lawatan Banci Bisnes & Konvensyen Perisikan dan Profiling Tahun 2024

Susunan : Jabatan Perisikan dan Profiling

Jabatan Perisikan dan Profiling (JPDP) telah menganjurkan Program Lawatan Banci Bisnes & Konvensyen Perisikan dan Profiling Tahun 2024 pada 6 hingga 10 Mei 2024, bertempat di Hotel Jen, Pulau Pinang. Program 2 dalam 1 ini berjaya menghimpunkan seramai 152 peserta yang terdiri daripada para pegawai Seksyen Perisikan dan Profiling (SPDP) HASiL Negeri.

Lawatan Banci Bisnes (LBB) kali ini merupakan kesinambungan daripada program sama yang telah diadakan pada Februari lalu iaitu Program Lawatan Banci Bisnes Bil. 1/2024. Program ini merupakan aktiviti utama Seksyen Profiling bertujuan untuk meneruskan pengesanan terhadap ekonomi bayangan (*shadow economy*) melibatkan warga asing yang bertumpu di lokasi-lokasi pelancongan sekitar bandar Georgetown.

LBB yang bertemakan 'Ops Tanjung' telah dirasmikan oleh YBrs. Tuan Haji Kamaruzaman bin Bahrain, Pengarah JPDP. Operasi LBB ini juga bertujuan untuk memastikan pemilik perniagaan sebenar



dapat dikenal pasti sewaktu di lapangan selain mengumpul maklumat berkaitan perniagaan yang dijalankan melalui pemerhatian dan komunikasi bersama dengan sumber. Hasil daripada aktiviti tersebut menunjukkan pencapaian penandaan (*tagging*) keseluruhan terhadap 1,552 premis. Manakala dari aspek pematuhan, sebanyak 150 buah syarikat dan 91 individu didapati gagal patuh kepada pengemukaan Borang Nyata Tahun Taksiran 2022.



Serentak dengan pelaksanaan Ops Tanjung, Konvensyen Perisikan dan Profiling 2024 turut diadakan dalam tempoh yang sama dan telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Dr. Abu Tariq bin Jamaluddin, Ketua Pegawai Eksekutif HASiL. Majlis perasmian itu turut dihadiri oleh YBhg. Datuk Hisham bin Rusli, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (TKPE) (Pematuhan), YBrs. Tuan Haji Kamarudzaman bin Bahrain, Pengarah JPDP, YBrs. Encik Nasruddin bin Mat Nasir, Pengarah Negeri Pulau Pinang, dan pengarah-pengarah jabatan di bawah seliaan TKPE (Pematuhan) HASiL.

Objektif utama penganjuran konvensyen ini adalah untuk melaksanakan penyelarasan kompetensi pegawai-pegawai JPDP dan SPDP bagi separuh tahun 2024. Selain itu, konvensyen ini diadakan untuk mengenal pasti permasalahan yang dihadapi oleh pegawai dalam penyediaan Kertas Risikan Sivil Pendakwaan (KRP) dan Kertas Risikan Sivil (KRS) serta cadangan untuk mengatasi perkara tersebut. Antara pengisian konvensyen yang menjadi tumpuan adalah sesi bual bicara bersama dengan TKPE (Pematuhan) HASiL yang mana pelbagai perkongsian menarik dan bermanfaat telah disampaikan menerusi slot ini.

KONVENSYEN PERISIKAN DAN PROFILING 2024

08-10 MEI 2024 | HOTEL JEN, PULAU PINANG



Konvensyen Siasatan Ke-XI Tahun 2024

Susunan : Rabihtul Adawiyah binti Rosli, Jabatan Siasatan



YBhg. Datuk Dr. Abu Tariq bin Jamaluddin bersama-sama peserta Konvensyen Siasatan Kali Ke-XI

Konvensyen Siasatan Kali Ke-XI anjuran Jabatan Siasatan telah berjaya diadakan pada 25 hingga 27 Jun 2024 di Tanjung Bungah, Pulau Pinang. Konvensyen ini telah dihadiri oleh 131 orang peserta terdiri daripada Pengarah Operasi Negeri Siasatan dan Pegawai Penyiasat dari 14 Seksyen Siasatan di seluruh Malaysia.

Konvensyen kali ini bertemakan "*Navigating Change, Embracing Challenge*" telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Dr. Abu Tariq bin Jamaluddin, Ketua Pegawai Eksekutif HASiL. Kehadiran dan sokongan daripada YBrs. Encik Khairul Halimin bin Abdul Halim, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan), Encik Kamaruzaman bin Bahrain, Pengarah Jabatan Perisikan dan Profiling, serta wakil dari Jabatan Pengurusan Insan menunjukkan komitmen Jabatan Siasatan

dalam memastikan pencapaian KPI 2024 menjadi kenyataan.

Selain dapat menghimpunkan pegawai-pegawai penyiasat dari seluruh Malaysia untuk berkongsi pengalaman dan ilmu pengetahuan, pengisian yang disediakan dalam Konvensyen Siasatan 2024 diharapkan dapat memberi panduan dalam mencetuskan resolusi dan strategi baharu yang lebih dinamik bagi mencapai sasaran '*Road to RM4.0 billion*' yang telah ditetapkan oleh pengurusan atasan.

Konvensyen pada kali ini diharapkan dapat meningkatkan tahap kompetensi, ilmu pengetahuan, dan sikap profesionalisme pegawai-pegawai penyiasat demi kecemerlangan organisasi.



Perasmian dan penutupan Konvensyen Siasatan Kali Ke-XI disempurnakan oleh YBhg. Datuk Dr. Abu Tariq bin Jamaluddin

Konvensyen Pematuhan dan OPS Zapin 2024

Susunan : Jabatan Pematuhan Cukai



Gimik Perasmian Konvensyen Pematuhan 2024 oleh YBhg. Datuk Hisham bin Rusli

Jabatan Pematuhan Cukai (JPC) merupakan sebuah jabatan yang memainkan peranan penting dalam menyelia aktiviti audit cukai di Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL). JPC bertanggungjawab dalam merangka polisi audit cukai, perancangan pelan aktiviti audit tahunan, pemilihan kes audit dan pemantauan kualiti kerja audit termasuk aspek integriti pegawai audit.

JPC telah menganjurkan Konvensyen Pematuhan 2024 pada 1 Julai hingga 3 Julai 2024 bertempat

di Trove Hotel, Johor Bahru, Johor. Konvensyen yang telah berlangsung selama 3 hari ini menghimpunkan 139 orang Pegawai Audit Cukai Syarikat dan Selain Syarikat, Majikan dan Perkhidmatan Percukaian berpengalaman daripada Cawangan Khas dan HASiL Negeri. Objektif konvensyen ini adalah mewujudkan medium cetusan idea, perkongsian pengetahuan dan pengalaman serta saluran pengurusan atasan menyampaikan hasrat serta hala tuju aktiviti pematuhan pada tahun 2024.

Konvensyen ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Hisham bin Rusli, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (TKPE) (Pematuhan) HASiL, manakala majlis penutupan telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Dr Abu Tariq bin Jamaluddin, Ketua Pegawai Eksekutif HASiL yang turut hadir bagi sesi dialog bersama TKPE (Pematuhan) dan Pengarah JPC.

Pelaksanaan konvensyen kali ini juga diadakan bersama dengan Ops Zapin yang melibatkan fail pembayar cukai HASiL Johor dari pelbagai industri. Sebanyak 86 fail pembayar cukai telah diaudit melibatkan 112 pegawai audit cukai HASiL Johor serta penglibatan bersama peserta konvensyen. Ops Pematuhan Cukai ini juga merupakan salah satu strategi pengurusan atasan untuk meningkatkan kesedaran cukai kepada masyarakat dan secara tidak langsung dapat meningkatkan kutipan dan kadar pematuhan.



Sesi Flag Off OPS Zapin



Sesi Dialog bersama KPE HASiL, TKPE (Pematuhan) dan Pengarah JPC



YBhg. Datuk Dr. Abu Tariq bin Jamaluddin bergambar kenangan bersama dengan peserta Konvensyen Pematuhan 2024

Konvensyen Jabatan Dasar Percukaian 2024

Susunan : Jabatan Dasar Percukaian

Konvensyen Jabatan Dasar Percukaian (JDP) merupakan program tahunan yang diadakan bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pegawai dalam pentadbiran percukaian selain memberi pendedahan berkenaan maklumat terkini percukaian. Ia juga menyediakan ruang perbincangan bagi isu-isu teknikal dan perkongsian maklumat antara pegawai JDP dengan pegawai-pegawai HASiL seluruh Malaysia.

Pada tahun ini, konvensyen telah diadakan di Hotel Bangi Resort, Bandar Baru Bangi, Selangor pada 17 hingga 19 Julai 2024 dan telah dirasmikan oleh YBrs. Puan Koh Siew Hong, Pengerusi Konvensyen JDP 2024 bertemakan "Smart Tax Policy For A Dynamic Economy". Manakala majlis penutup pada 19 Julai 2024 telah dihadiri oleh YBhg. Dato' Wan Ramiza binti Wan Ghazali, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Dasar).



YBhg. Dato' Wan Ramiza Wan Ghazali, Tuan Haji Hishamudin Mohamed dan Puan Koh Siew Hong bersama-sama peserta Konvensyen JDP 2024.

Konvensyen ini telah menyatukan 107 orang peserta terdiri daripada pegawai JDP, *Tax Research Officer* (TRO) negeri dan Akademi Percukaian Malaysia. Sebanyak sembilan (9) siri taklimat dan perkongsian ilmu 'Sesi Soal Jawab Isu-isu Teknikal' telah memenuhi slot konvensyen, iaitu :

- i. Layanan Cukai Ke Atas Pengiktirafan Untung Kasar Atau Rugi Sebenar Daripada Suatu Kontrak Pembinaan,
- ii. Ketetapan Umum : Elaun Cukai Pelaburan,
- iii. Ketetapan Umum : Percukaian Pendapatan Daripada Penggajian Di Atas Kapal,
- iv. Layanan Cukai Semasa Berhubung *Foreign Sourced Income* dan *Foreign Sourced Income Capital Gain Tax*,
- v. *Cryptocurrency* oleh Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Bukit Aman,
- vi. Layanan Cukai bagi Syarikat Mikro, Kecil dan Sederhana,
- vii. Sepintas Lalu – Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967,
- viii. Ketetapan Umum : Layanan Cukai Bagi Syarikat Yang Menubuhkan Syarikat Bertujuan Khas Untuk Penerbitan Sukuk – Seksyen 60I Akta Cukai Pendapatan 1967, dan
- ix. *Court Case Analysis* oleh Jabatan Undang-Undang.



e-Janji Temu HASIL



PERMOHONAN
PERKHIDMATAN
KAUNTER LUAR
LHDNM
MELALUI

e-JANJI TEMU
HASIL

URUSAN
PERCUKAIAN
LEBIH MUDAH
DI TEMPAT
ANDA



Sila Layari:

<https://ejanjitemu.hasil.gov.my/appointment>



IMBAS KOD QR



Penganugerahan dan Pengurniaan Darjah Kebesaran

Tahniah

ATAS PENGURNIAAN PINGAT & DARJAH KEBESARAN



ENCIK MOHD NOOR EFFENDY BIN JOHAN

**EKSEKUTIF HASIL KANAN I
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

BINTANG PERKHIDMATAN CEMERLANG KEDAH (B.C.K)

**SEMPENA
SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
TUANKU SULTAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN KE-82**

**PADA
2 JULAI 2024**

Tahniah

ENCIK IQBAL BIN ABDOLLAH



ANUGERAH MA'AL HIJRAH 1446H | 2024M
PERINGKAT NEGERI SARAWAK

Syabas dan tahniah kepada
Encik Iqbal Bin Abdollah (LHDNM Sarawak)
kerana telah terpilih sebagai penerima
Anugerah Ma'al Hijrah sempena Majlis Sambutan Ma'al Hijrah
Peringkat Negeri Sarawak Tahun 1446H | 2024M
yang disampaikan oleh Tuan Yang Terutama
Yang di-Pertua Negeri Sarawak
Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar

**KATEGORI
SUKARELAWAN**

7 JULAI 2024

Tahniah TEAM HASIL



PENTAULIAHAN RISK EXPERTISE (Re.) SUBJECT-MATTER EXPERT (SME)

Syabas dah tahniah kepada
Team HASIL
atas pentauliahan sebagai Risk Expertise (Re.) Subject-Matter Expert (SME)
Sempena IERP Global Conference 2024, oleh
Institute of Enterprise Risk Practitioners
pada 14 Ogos 2024 di Mandarin Oriental Hotel, Kuala Lumpur.

Kategori
Professional Enterprise Risk Advisor (ERA®) Certification Program

Puan Sharifah Mariam binti Syed Abu Bakar
Puan Nazeli binti Zahid

Kategori
Professional Enterprise Risk Technician (ERT®) Certification Program

Puan Elia Nadira binti Zainudin
Puan Nurul Adilah binti Md Ramli

14 OGOS 2024

Pencapaian dan Kejayaan

Tahniah TEAM HASIL



KARNIVAL E-SPORTS KEMENTERIAN KEWANGAN 2024

Syabas dah tahniah kepada
Team HASIL

dalam Kejohanan Karnival e-Sports Kementerian Kewangan 2024
yang telah diadakan di Institut Latihan KWSP (Esset), Bangi pada 8 & 9 Jun 2024.

Pencapaian yang diperolehi bagi kejohanan tersebut adalah :

**Johan Keseluruhan
Karnival e-Sports Kementerian Kewangan 2024**

9 JUN 2024

Tahniah

TEAM HASIL SANDAKAN



KEJOHANAN TENPIN BOLING ANTARA AGENSI KERAJAAN DAN SWASTA

Syabas dah tahniah kepada
Team HASIL Sandakan

dalam Kejuhanan Tenpin Bowling Antara Agensi Kerajaan Dan Swasta
yang telah diadakan di Champ's Bowl Sandakan, pada 13 Julai 2024
anjuran Kelab SP Kesuri Sandakan Sabah Ports Sdn Bhd.

Pencapaian yang diperolehi bagi kejuhanan tersebut adalah :

TEMPAT KETIGA

13 JULAI 2024

Tahniah

CIK RADIN NUR NAJWA ARIFAH RADIN DZULFAKAR



KEJOHANAN TENPIN BOLING MAKSAK 2024
MEWAKILI PASUKAN MAKSWIP (WPKL)

Syabas dan tahniah kepada
Cik Radin Nur Najwa Arifah Radin Dzulfakar (LHDNM WP Kuala Lumpur)
yang mewakili Pasukan MAKSAK WPKL (MAKSWIP)
dalam Kejohanan Tenpin Boling MAKSAK 2024
yang telah diadakan di Megalane Kuantan, Pahang pada 10-14 Julai 2024.

Pencapaian yang diperolehi bagi kejohanan tersebut adalah :

Johan (Emas)
bagi Kategori Beremu Wanita &
Tempat Ke-3 Wanita Keseluruhan

14 JULAI 2024

Tahniah

ENCIK WAN ZULKIFLI WAN ALI



KEJOHANAN TENPIN BOLING MAKSAK 2024 MEWAKILI PASUKAN MAKSWIP (WPKL)

Syabas dan tahniah kepada
Encik Wan Zulkifli Wan Ali (Jabatan Teknologi Maklumat)
 yang mewakili Pasukan MAKSAK WPKL (MAKSWIP)
 dalam Kejohanan Tenpin Boling MAKSAK 2024
 yang telah diadakan di Megalane Kuantan, Pahang pada 10-14 Julai 2024.

Pencapaian yang diperolehi bagi kejohanan tersebut adalah :

Ketiga (Gangsa)
 bagi Kategori Bertiga Lelaki

14 JULAI 2024

Tahniah HASILIAN KLUANG



PERTANDINGAN SUKAN BOLA TAMPAR MAKSAK JOHOR GAMES 2024

Syabas dah tahniah kepada
HASILIAN Kluang kerana menyertai
Pertandingan Sukan Bola Tampar MAKSAK Johor Games 2024
yang telah diadakan di Dewan Taman Universiti, Skudai, Johor Bahru
pada 20 Julai 2024

Pencapaian yang diperolehi bagi pertandingan tersebut adalah :

**Juara
Kategori Lelaki**

20 JULAI 2024



Tahniah TEAM HASIL



KEJOHANAN SUKAN BADAN BERKANUN 'VITRUAL EDITION' (SUKANUN VE) 2024

Syabas dah tahniah kepada
Team HASIL

dalam Kejuhanan Sukan Badan Berkanun 'Virtual Edition' (SUKANUN VE) 2024
yang telah diadakan di e-Sports Integrated Spacerubix, Puchong, Selangor
pada 23 - 25 Julai 2024.

Pencapaian yang diperolehi bagi pertandingan tersebut adalah :

Johan Bersama Keseluruhan Sukanun VE 2024
Juara - Team Hasil A
Tempat Ke-3 - Team Hasil C

Kategori Mobile Legends Bang Bang

25 JULAI 2024

Tahniah

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA



PESTA SUKAN KEMENTERIAN KEWANGAN 2024 (PSKK 2024)

Syabas dan tahniah kepada Team HASiL yang mewakili Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dalam Pesta Sukan Kementerian Kewangan 2024 (PSKK 2024) yang telah diadakan di Universiti Malaya, Kuala Lumpur pada 10 - 17 Ogos 2024.

Pencapaian yang diperolehi bagi kejohanan tersebut adalah:

JOHAN KESELURUHAN

EMAS

Golf, Badminton, Bola Jaring, Bowling Lelaki, Dart, Futsal Lelaki, Ping Pong.

PERAK

Bowling Wanita, Olahraga.

GANGSA

Bola Sepak, Futsal Wanita, Sepak Takraw.

17 OGOS 2024



MyInvois

MEDIA SOSIAL



@myinvoishasil



@myinvoishasil



myinvoishasil



@myinvoishasil



@myinvoishasil





INFO E-INVOIS HASIL

Apa itu e-Invois?

e-Invois merupakan representasi dalam **bentuk digital** bagi transaksi yang dilaksanakan antara **penjual** dan **pembeli**. e-Invois menggantikan penggunaan dokumen kertas atau elektronik seperti dalam format pdf, jpeg, doc dan lain-lain.



Contoh format e-Invois:



Contoh bukan format e-Invois:



Bagaimana mengemukakan e-Invois?

Terdapat **dua (2) mekanisme** atau kaedah yang boleh digunakan oleh pembayar cukai (penjual) untuk mengemukakan e-Invois kepada HASiL seperti berikut:



Portal MyInvois dibangunkan oleh HASiL untuk kegunaan semua pembayar cukai secara percuma

Pembayar cukai mengintegrasikan sistem perniagaan mereka dengan Sistem MyInvois melalui *Application Programming Interface (API)*

Layari Laman Mikro e-Invois @ Portal Rasmi HASiL untuk maklumat lanjut berkaitan pelaksanaan e-Invois

<https://www.hasil.gov.my/e-invois>



INFO E-INVOS HASIL

BIL. 2

Bilakah e-Invois perlu dilaksanakan?

e-Invois akan dilaksanakan **secara berperingkat** mengikut garis masa pelaksanaan mandatori e-Invois seperti di bawah:

Sasaran Pembayar Cukai

Tarikh Pelaksanaan

Pembayar cukai dengan pendapatan atau jualan tahunan melebihi RM100 juta

1 Ogos 2024

Pembayar cukai dengan pendapatan atau jualan tahunan melebihi RM25 juta dan sehingga RM100 juta

1 Januari 2025

Semua pembayar cukai yang menjalankan aktiviti komersial dan perniagaan baharu (tahun 2023 ke atas)

1 Julai 2025

Bagaimana pendapatan atau jualan tahunan ditentukan?

Penentuan pendapatan atau jualan tahunan

Penyata beraudit:

Berdasarkan pelaporan di dalam Penyata Pendapatan Komprehensif bagi Tahun Kewangan 2022

Penyata tidak beraudit:

Berdasarkan pelaporan di dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan bagi Tahun Taksiran 2022

Perubahan tempoh perakaunan:

Berdasarkan pendapatan bagi tahun 2022 yang dipro-ratakan kepada 12 bulan

Maklumat dan bantuan lanjut berkaitan pelaksanaan e-Invois:



<https://www.hasil.gov.my/e-invois>



03-8682 8000 (Talian 24 jam)



www.hasil.gov.my



@HASiLMalaysia



@HASiL_Malaysia



@hasil_malaysia



03-8911 1000




INFO E-INVOIS HASIL

BIL. 3

Apakah aliran kerja pelaksanaan e-Invois ini?

Berikut adalah gambaran keseluruhan pelaksanaan e-Invois antara penjual dan pembeli:



Maklumat dan bantuan lanjut berkaitan pelaksanaan e-Invois:



<https://www.hasil.gov.my/e-invois>



03-8682 8000 (Talian 24 jam)



www.hasil.gov.my



@HASiLMalaysia



@HASiL_Malaysia



@hasil_malaysia



03-8911 1000



INFO E-INVOIS HASIL

BIL. 4

Apakah jenis-jenis e-Invois yang dikeluarkan?

Terdapat empat (4) jenis e-Invois yang dikeluarkan seperti berikut:



Dokumen komersial yang **menyenaraikan** atau **merekodkan transaksi** antara penjual dan pembeli, termasuk pengeluaran e-Invois bil sendiri.



Dokumen komersial dikeluarkan oleh penjual untuk membetulkan kesilapan dalam e-Invois yang telah dikeluarkan bagi **menambah** nilai e-Invois asal.



Dokumen komersial dikeluarkan oleh penjual untuk membetulkan kesilapan dalam e-Invois yang telah dikeluarkan bagi **mengurangkan** nilai e-Invois asal.



Dokumen yang dikeluarkan oleh penjual untuk **merekodkan bayaran balik** bagi pembayaran yang telah dibuat oleh pembeli.

Mengapakah e-Invois perlu dikeluarkan?

Pembuktian
pendapatan penjual



Pembuktian
perbelanjaan pembeli

Maklumat dan bantuan lanjut berkaitan pelaksanaan e-Invois:



<https://www.hasil.gov.my/e-invois>



03-8682 8000 (Talian 24 jam)



www.hasil.gov.my



@HASiLMalaysia



@HASiL_Malaysia



@hasil_malaysia



03-8911 1000



INFO E-INVVOIS HASIL

BIL. 5

Siapakah yang bertanggungjawab untuk mengeluarkan e-Invois?



Penjual adalah bertanggungjawab untuk mengeluarkan e-Invois bagi setiap transaksi jualan barangan atau perkhidmatan yang disediakan – *Subseksyen 82C(1), Akta Cukai Pendapatan 1967*

Penjual dibenarkan untuk mengeluarkan e-Invois yang disatukan bagi transaksi jualan barangan atau perkhidmatan dengan pembeli yang tidak memerlukan e-Invois.



Dalam keadaan tertentu, **pembeli** akan memainkan peranan sebagai penjual bagi pengeluaran e-Invois bil sendiri untuk merekodkan transaksi perbelanjaan tertentu yang dibenarkan oleh HASiL seperti berikut (*Rujukan penuh: Seksyen 8, Garis Panduan Spesifik e-Invois*):



1. Pembayaran kepada ejen, pengedar, pengagih



2. Transaksi pembelian dengan penjual asing



3. Agihan keuntungan (seperti agihan dividen)



4. Transaksi e-dagang



5. Pembayaran kepada pemenang pertaruhan / judi



6. Transaksi dengan individu tidak menjalankan perniagaan



7. Pembayaran faedah (kecuali bayaran kepada bank, majikan dan bayaran oleh pembayar asing)

Maklumat dan bantuan lanjut berkaitan pelaksanaan e-Invois:



<https://www.hasil.gov.my/e-invois>



03-8682 8000 (Talian 24 jam)

Kaedah Pembayaran Cukai Pendapatan Beramaun Tinggi

Susunan : Junaidatul Al-Fatihah binti Elias

SEBAGAI sebuah agensi kerajaan yang berperanan dalam cukai langsung negara, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) bertanggungjawab untuk memastikan setiap perancangan kerajaan yang mendorong ke arah kemaslahatan masyarakat dapat dilaksanakan dengan lancar melalui jumlah cukai yang dikutip. Buktinya, sebanyak 44.4% daripada RM393.800 juta peruntukan yang diumumkan dalam Belanjawan 2024 adalah hasil daripada kutipan cukai pendapatan. Ini jelas menunjukkan bahawa sumbangan bayaran cukai daripada pembayar cukai membawa impak yang besar ke arah belanja mengurus dan pembangunan Malaysia.

Selain individu, pembayar cukai di Malaysia juga terdiri daripada kategori Syarikat dan Selain Syarikat yang pastinya turut sama menyumbang kepada hasil negara ini. Oleh itu, HASiL telah melaksanakan pelbagai langkah



...sebanyak **44.4%** daripada **RM393.800** juta peruntukan yang diumumkan dalam Belanjawan 2024 adalah hasil daripada **kutipan cukai pendapatan.**



penambahbaikan untuk proses terimaan bayaran cukai dalam memastikan pengendalian instrumen bayaran dapat dilaksanakan dengan lebih teratur khususnya bagi bayaran cukai beramaun tinggi.

Jadual 1: Kategori Cukai Selain Syarikat dan Selain Individu dan Jenis Borang Cukai

KATEGORI	JENIS BORANG
Koperasi	C1
Badan Amanah	TA
Unit Amanah / Amanah Harta Tanah	TC
Amanah Pelaburan Harta Tanah / Tabung Amanah Harta	TR
Perkongsian Liabiliti Terhad	PT
Amanah Perniagaan	TN
Perkongsian	P
Harta Pusaka	TP
Keluarga Sekutu Hindu	TJ
Pertubuhan	TF

Terdapat dua (2) kaedah pembayaran cukai yang boleh digunakan selaras dengan hasrat serta saranan kerajaan dalam memperkasa bayaran secara dalam talian untuk semua terimaan berkaitan urusan kerajaan, iaitu:

1. Secara FPX melalui Portal Rasmi HASiL (ByrHASiL)

Kaedah bayaran menerusi FPX boleh dilakukan di ByrHASiL. Mulai 1 Jun 2023, had amaun bagi setiap transaksi bayaran bagi perkhidmatan FPX di ByrHASiL adalah seperti berikut:

Jadual 2: Jenis Akaun dan Had Transaksi

Jenis Akaun	Had Transaksi
Individu	RM500 ribu (Had sebelum itu RM30 ribu)
Korporat / Perniagaan	RM100 Juta (Had sebelum itu RM1 juta)

Walau bagaimanapun, had transaksi bayaran ini juga bergantung kepada had pengeluaran atau transaksi maksimum yang telah ditetapkan oleh pemilik akaun atau bank berkaitan. Sebagai contoh, walaupun had transaksi bagi individu menerusi FPX di ByrHASiL adalah sebanyak RM500 ribu, tetapi had pengeluaran maksimum

akaun bank pembayar cukai ditetapkan sebanyak RM50 ribu. Ini menyebabkan pembayar cukai masih tidak dapat membuat bayaran sekali gus kerana telah melebihi had pengeluaran maksimum yang ditetapkan. Pembayar cukai perlu berurusan dengan bank bagi peningkatan had transaksi berkenaan.



2. Pindahan Telegrafik (TT)/ Pindahan Dana Elektronik (EFT)/ *Interbank GIRO* (IBG)/ RENTAS/ DUITNOW menggunakan nombor *Virtual Account* (VA) yang dijana daripada sistem *e-Telegraphic Transfer*

Sistem *e-Telegraphic Transfer* (e-TT) telah diperkenalkan pada 1 April 2022 bagi bayaran cukai pendapatan, cukai pendapatan petroleum, bayaran kompaun dan cukai pegangan melalui kaedah pindahan telegrafik (TT), pindahan dana elektronik (EFT) dan pindahan dana antara bank (IBG)/RENTAS/DUITNOW dari dalam dan

luar negara. Bagi pembayaran di bawah kaedah ini, pembayar cukai perlu menggunakan sistem e-TT yang boleh diakses melalui Portal MyTax. Selepas maklumat bayaran dilengkapkan dalam sistem tersebut, **Nombor VA yang dijana akan digunakan sebagai nombor akaun bayaran** semasa melakukan bayaran.

Pembayar cukai yang **menggunakan akaun individu** bagi pembayaran cukai melebihi RM500 ribu (contoh: RM1 juta) boleh memilih untuk membuat bayaran sama ada :

- a. Menerusi kaedah FPX iaitu melakukan dua (2) transaksi bayaran iaitu RM500 ribu setiap transaksi. Pembayar cukai dinasihatkan untuk menyemak had transaksi yang ditetapkan oleh bank masing-masing dan memohon peningkatan had terlebih dahulu sebelum melakukan bayaran; atau
- b. Melakukan bayaran menggunakan Nombor VA menerusi portal perbankan elektronik atau kaunter bank. Bayaran menggunakan VA menerusi kaedah pindahan telegrafik di kaunter bank tidak tertakluk kepada sebarang had bayaran. Bagaimanapun, bayaran menggunakan Nombor VA menerusi perbankan elektronik turut tertakluk kepada had transaksi yang ditetapkan oleh bank masing-masing dan pembayar cukai perlu memohon peningkatan had terlebih dahulu sebelum melakukan bayaran.

Pembayar cukai sememangnya digalakkan untuk memanfaatkan penggunaan aplikasi digital sebegini bagi memudahkan serta melancarkan urusan pembayaran cukai mereka. HASiL memberi jaminan untuk menyediakan perkhidmatan terbaik secara berterusan seiring dengan aspirasi HASiL melalui A.E.S (Awareness, Education & Services) kepada semua pihak ke arah peningkatan kadar kesedaran dan pematuhan cukai.

Maklumat lanjut berhubung kaedah bayaran cukai pendapatan serta aspek percukaian langsung yang lain boleh didapati daripada Portal Rasmi HASiL di www.hasil.gov.my.

Penulisan ini telah diterbitkan dalam Dewan Ekonomi Bil 7/2024.



SEMINAR PERCUKAIAN KEBANGSAAN BELANJAWAN 2025



SILA IMBAS
UNTUK
PENDAFTARAN



HRD CORP

CLAIMABLE

REBUT PELUANG
PENDAFTARAN

Early Bird

SIRI 1

23 OKTOBER 2024
(RABU)

BERSEMUKA

MAYA

RM780
HARGA EARLY BIRD

RM350
HARGA EARLY BIRD

HARGA BIASA RM880

HARGA BIASA RM450

SIRI 2

29 OKTOBER 2024
(SELASA)

MAYA

RM350
HARGA EARLY BIRD

HARGA BIASA RM450

DAFTAR DAN BAYAR
MULAI 12 OGOS 2024
SEHINGGA
16 SEPTEMBER 2024

Nota : Harga biasa berkuat kuasa mulai 17 September 2024

LAYARI:

<https://seminar.hasil.gov.my>



Panduan Pengguna Aplikasi **STAMPS**



**PANDUAN PENYETEMAN
DOKUMEN PERIBADI DI KAUNTER
[PENDAFTARAN ID INDIVIDU YANG
TIADA NO CUKAI PENDAPATAN]**



**POSTER PENDAFTARAN ID
PENGGUNA STAMPS [INDIVIDU]**



**POSTER BAYARAN DALAM TALIAN
MELALUI FPX [BYRHASIL]**



**PERMOHONAN PENYETEMAN
PANDUAN UNTUK PELAJAR**



**PANDUAN PEMBAYARAN DUTI SETEM
MELALUI CIMB BIZ CHANNEL
[BILL PAYMENTS]**



**PANDUAN PENYETEMAN
DOKUMEN PERIBADI DI KAUNTER
[PERMOHONAN PENYETEMAN : SEKURITI]**



**PERMOHONAN PENYETEMAN
SEWA / PAJAKAN**



**PANDUAN BAYARAN DALAM TALIAN &
CETAKAN SIJIL SETEM**



**PENDAFTARAN ID PENGGUNA STAMPS
[INDIVIDU]**



**POSTER CETAIKAN
SIJIL SETEM**

